




## The Sarawak Museum Journal

Vol. LXXX No. 101

December 2018



ISSN: 0375-3050  
E-ISSN: 3036-0188

**Citation:** Norraha binti Abdul Rahim dan Zakaria bin Bojeng (2018). Pengenalan Ringkas Duit Syilling Islam Koleksi Jabatan Muzium Sarawak. The Sarawak Museum Journal, LXXX (101) : 35-45

### Pengenalan Ringkas Duit Syilling Islam Koleksi Jabatan Muzium Sarawak

Norraha binti Abdul Rahim dan Zakaria bin Bojeng

#### ABSTRACT

This article, briefly discusses on the coins in the Sarawak Museum collection: coins in general, the earliest coin produced, coin making, and some selected Islamic coins, representing the Dynasties of Umayyad, Abbasid, Fatimid, Anatolia Seljuk, Almoravid, Mamluk, Artuqid, Ilkhanid, Safavid, Qajar and Ottoman, that are on display at the Sarawak Islamic Heritage Museum. Each of these coins has certain characteristics that made them unique from coins of other Islamic periods. Among the common features found on Islamic coins are the use of the Hijri year (commencing with the migration of Prophet Muhammad PBUH from Mecca to Medina, which later marks the first year of the Muslim calendar) and Kufic inscriptions.

# PENGENALAN RINGKAS DUIT SYILING ISLAM KOLEKSI JABATAN MUZIUM SARAWAK

Norraha binti Abdul Rahim dan Zakaria bin Bojeng

## ***Abstract***

*This article, briefly discusses on the coins in the Sarawak Museum collection: coins in general, the earliest coin produced, coin making, and some selected Islamic coins, representing the Dynasties of Umayyad, Abbasid, Fatimid, Anatolia Seljuk, Almoravid, Mamluk, Artuqid, Ilkhanid, Safavid, Qajar and Ottoman, that are on display at the Sarawak Islamic Heritage Museum. Each of these coins has certain characteristics that made them unique from coins of other Islamic periods. Among the common features found on Islamic coins are the use of the Hijri year (commencing with the migration of Prophet Muhammad PBUH from Mecca to Medina, which later marks the first year of the Muslim calendar) and Kufic inscriptions.*

## **Abstrak**

Artikel ini membincangkan secara ringkas tentang koleksi duit syiling di Jabatan Muzium Sarawak: duit syiling secara umum, syiling terawal dikeluarkan, pembuatan duit syiling dan beberapa duit syiling Islam terpilih yang mewakili dinasti-dinasti Islam seperti Umayyah, Abbasiyah, Fatimiyah, Anatolia Seljuk, Almoravid, Mamluk, Artuqid, Ilkhanid, Safavid, Qajar dan Uthmaniyah yang dipamerkan di Muzium Warisan Islam Sarawak. Setiap duit syiling ini mempunyai ciri-ciri khas yang menjadikannya unik daripada duit syiling pada zaman pemerintahan Islam yang lain. Antara ciri umum yang terdapat dalam duit syiling Islam ialah penggunaan tahun *Hijrah* (bersempena dengan penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W. dari Mekah ke Madinah sebagai tahun pertama dalam kalendar Islam) dan tulisan *Kufi*.

## PENGENALAN

**D**uit syiling merupakan mata wang yang paling penting dan telah digunakan selama lebih daripada 2000 tahun. Duit syiling secara asasnya dihasilkan daripada sekeping logam bersaiz kecil yang digunakan sehingga sekarang di seluruh dunia. Duit syiling pada kebiasaannya berbentuk bulat, namun ia boleh didapati dalam puluhan bentuk serta dalam pelbagai saiz.

Duit syiling telah dicipta lebih dari 2,600 tahun yang lalu. Ia menggantikan penggunaan siput gerus (*cowrie shell*) atau bentuk mata wang lain. Tempat terawal duit syiling ditempa yang pernah direkodkan terletak di Lydia, iaitu di barat Turki pada masa sekarang. Ia telah dihasilkan pada abad ketujuh sebelum Masihi. Di awal penghasilannya, duit syiling ini hanyalah gumpalan kecil logam yang dicap dengan reka bentuk untuk menunjukkan pembuatnya. Ia diperbuat daripada logam aloi yang terdiri daripada campuran emas dan perak. Masyarakat Greek dan negara-negara sekitarnya telah mengikuti jejak langkah mereka dan akhirnya mengeluarkan serta menggunakan duit syiling mereka sendiri (Bank Negara Malaysia 2005: 3-13).

Dalam masa yang sama Turki menghasilkan duit syiling, penduduk di China telah mencipta duit syiling yang berbeza reka bentuknya. Duit syiling mereka diperbuat daripada tembaga dengan reka bentuk seperti peralatan senjata dan siput gerus (*cowrie shell*). Nilai duit syiling ini berbeza mengikut berat (Orna-Ornstein 1997).

### **Duit Syiling Islam**

Semenjak penggunaan duit syiling tersebar ke seluruh dunia, pembuatan serta penggunaan duit syiling tidak terkecuali dalam dunia Islam. Penggunaan duit syiling telah bermula sewaktu pemerintahan Khulafa Ar Rasyidin yang kedua iaitu Khalifah Umar Al-Khattab. Semasa zaman pemerintahan Khalifah Umar Al-Khattab, beliau telah menubuhkan pelbagai kementerian dan perbendaharaan negara (Baitulmal). Beliau juga telah mewujudkan penggunaan mata wang, kawalan ke atas sistem timbang dan lain-lain lagi.

Khalifah Umar Al-Khattab telah menetapkan kadar piawaian khusus iaitu Piawaian Khalifah Umar Al-Khattab sebagai model mata wang Islam yang berteraskan dinar emas dan dirham perak. Piawaian mata wang ini diselaraskan kepada berat emas dan perak yang tertentu, iaitu menetapkan 10 dirham perak bersamaan dengan 7 dinar emas, dengan setiap satu dinar seberat 4.25 gram emas, manakala 1 dirham seberat 3 gram perak. Emas yang digunakan ialah 91.7 peratus iaitu 22 karat dengan berukuran garis pusat 23 mm, manakala dirham pula ialah 25 mm. Kedua-dua mata wang ini mempunyai gambar Kaabah dan dua kalimah syahadah di setiap muka depan dan belakangnya (Raffar 2015).